

PRIME'S HYDROCORTISONE CREAM 1% W/W

Hydrocortisone acetate (1% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Hydrocortisone*
2. Bagaimana *Hydrocortisone* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Hydrocortisone*
4. Cara menggunakan *Hydrocortisone*
5. Semasa menggunakan *Hydrocortisone*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Hydrocortisone*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *Hydrocortisone*

Ia digunakan untuk dermatitis, ekzema dan keradangan kulit yang lain di mana steroid diperlukan.

Bagaimana *Hydrocortisone* berfungsi

Hydrocortisone mengandungi ubat yang tergolong dalam kumpulan corticosteroid, yang berfungsi melegakan kesakitan dan kebengkakan.

Sebelum menggunakan *Hydrocortisone*

- Bila tidak boleh menggunakan

- jika ada alahan terhadap hydrocortisone, atau ramuan-ramuan lain *Hydrocortisone*
- jangkitan kulat sistemik
- jangkitan akut termasuk herpes zoster dan herpes simpleks
- ulser pada mata
- vaksinasi dengan virus hidup

- Sebelum menggunakan *Hydrocortisone*

Jangan guna pada atau berhampiran dengan mata. Jangan pakai pembalut luka dengan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor. Penggunaan berlanjutan perlu dielakkan untuk menghindari dari kesan pengunduran apabila ubat dihentikan tiba-tiba. Berhati-hati pada individu dengan jangkitan pada bahagian rawatan atau tuberkulosis kulit.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Ubat ini adalah untuk kegunaan luar sahaja dan biasanya kurang kesan ke atas ubat-ubat lain. Walaupun demikian, sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika sedang mengambil ubat-ubat lain.

Cara menggunakan *Hydrocortisone*

- Berapa banyak harus digunakan

Sapu sedikit pada bahagian kulit berkenaan tiga atau empat kali sehari, atau seperti yang diarahkan oleh doktor.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Perlu mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

- Jika terlupa menggunakan

Guna sebaik sahaja teringat. Selepas itu, gunakan semula mengikut jadual biasa anda.

- Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Jika terlebih dos, hubungi doktor, jabatan kecemasan atau pusat racun dengan segera.

Semasa menggunakan *Hydrocortisone*

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor ubat yang sedang diambil.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat sebaik sahaja berasa lega selepas beberapa hari, sambung sehingga jangka rawatan selesai.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jikalau hamil atau menyusukan anak, elak gunakan ubat kecuali atas arahan doktor. Elakkan penggunaan berlebihan dan berpanjangan semasa kehamilan.

Kesan-kesan sampingan

Kesan sampingan bertambah nyata jika pembalut luka digunakan. Penggunaan berlanjutan boleh mengakibatkan muka bengkak, kulit nipis berlebam, pertumbuhan rambut pada muka, rambut gugur dan tanda regangan pada kaki, badan atau lipatan paha. Jika berlaku sebarang kesan sampingan serius atau tidak tertera dalam risalah ini, sila hubungi doktor atau ahli farmasi. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835490, atau laman web npra.moh.gov.my [Consumers → Reporting → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan *Hydrocortisone*

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah suhu 30°C. Jauhkan dari cahaya. Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang tidak diperlukan.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Krim warna putih.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: hydrocortisone acetate
- Bahan tidak aktif: cetomacrogol emulsifying wax, white soft paraffin, liquid paraffin, chlorocresol, sodium citrate, citric acid dan air.

- Nombor MAL

MAL19890364AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

23/05/2019

Nombor siri

BPFK(R4/1)200617/00139